

24/11/1998

AS benci keberanian Dr Mahathir

Mahrus Ibrahim

KITA semua tahu Amerika Syarikat (AS) adalah satu kuasa besar yang tiada tandingannya. Sejak Soviet Union hancur, Washington begitu angkuh dengan kedudukannya kerana mereka tahu tiada siapa yang dapat melawannya. Mereka begitu bongkak sekali hingga bertindak sesuka hati menindas mana-mana negara yang mudah dibuli.

Dengan kedudukannya yang begitu kuat, tentu sekali tiada siapa yang berani menentangnya. Seheinggakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang sepatutnya menjadi pengawas dunia pun tunduk kepadanya.

Justeru, ketika AS sedang menikmati kedudukan yang tidak boleh dicabar itu, terdapat satu suara kecil yang sering mengutuknya apabila mereka bertindak salah.

Suara yang dimaksudkan ialah kecaman rakyat Malaysia yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir memang terkenal dengan kelantangannya menegur apa yang dilihat sebagai perbuatan tidak betul, bukan saja dalam negeri tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Di pentas dunia, beliau bukan sekadar membuat teguran, tetapi sering memberikan idea yang bernas contohnya berhubung urus niaga mata wang tanpa kawalan.

Dr Mahathir juga sering mengetengahkan masalah yang dihadapi negara miskin dan membangun sehingga beliau diterima sebagai jaguh dunia ketiga.

Ini terbukti dengan jemputan untuk beliau berucap di pelbagai forum antarabangsa.

Nampaknya, negara Arab juga mendapat semangat daripada keberanian Dr Mahathir berdepan dengan AS.

Contohnya, Arab Saudi dan Kuwait yang tunduk kepada Washington, tiba-tiba saja bangun dan berani melawan dengan menolak kemahuan AS untuk menggunakan kedua-dua negara itu sebagai pengkalan bagi pesawatnya melancarkan serangan terhadap Iraq. Takkan mereka sanggup berbuat begitu tanpa mendapat semangat daripada sesiapa. Bagi saya, semangat itu datangnya dari suara Dr Mahathir.

Rupa-rupanya, semua ini tidak disenangi oleh AS. Dari sudut Capitol Hill, ia melihat suara kecil ini sangat berbisa dan ia harus bertindak sebelum lebih banyak negara bersatu menentangnya.

Ketika negara sebesar Britain pun tunduk kepada kemahuannya, AS menjangka tidak ada sesiapapun di dunia ini yang berani melawannya.

Ia silap, kerana di sini, di tanah bertuah bernama Malaysia ini, ada seorang Melayu yang semangat juangnya begitu jitu untuk menegakkan keberanian. Semuanya kerana Dr Mahathir berpegang kepada ungkapan BERANI KERANA BENAR.

Tidak hairanlah, AS berasa takut dan dengan itu sedang cuba menjatuhkan Dr Mahathir kerana ia menyedari keberanian beliau akan mendorong negara lain untuk bangun menentangnya.